

# UTHM lancar konsep Surau Lestari elak bazir air

**Batu Pahat:** Kolej kediaman Perwira Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini, melancarkan konsep Surau Lestari bertujuan mengelakkan pembaziran air menerusi penjimatan menerusi amalan berwuduk.

Pengetua Kolej Perwira UTHM Prof Madya Dr Afandi Ahmad berkata, konsep Surau Lestari itu diilhamkan selepas melihat proses pengambilan air ketika berwuduk yang dilihat terbiar begitu saja.

“Menerusi kajian awal yang dilaksanakan oleh Majlis Kepimpinan Pelajar Kolej Perwira, sejumlah 2.86 liter air dibazirkan oleh seorang penuntut yang mengambil wuduk dan ini membawa kepada jumlah pembaziran mingguan, bulanan dan tahunan masing-masing antara



**AFANDI** (lima dari kiri) menyertai program Jom Jalan Kaki bagi menyokong Kempen Kolej Kediaman Rendah Karbon di sekitar UTHM.

ra 14.30, 443.30 dan 5,391.60 liter.

“Statistik ini jelas menunjukkan bahawa apa yang sedang diusahakan adalah sangat signifikan bukan saja untuk mengelak pembaziran malah memikirkan bagaimana penjimatan boleh dilakukan,” katanya ketika ditemui semalam.

Katanya, dia gembira dengan usaha yang diambil kerana pelaksanaannya selari dengan paradigma tauhid yang menjadi tunjang misi UTHM.

“Malah aspek inovasi dan penyelesaian masalah harian ini adalah perkara yang berkait rapat dengan penyelesaian masalah yang kompleks turut ditekankan dalam proses pengajaran serta pembelajaran di UTHM,” katanya.

**Johor Bahru**

## Usaha KEMAS beri kesan positif

Usaha Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) kawasan Pulau dekat sini, melaksanakan pelbagai program kemasyarakatan dilihat memberi kesan positif dalam membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat setempat.

Penyelia Kanan KEMAS Kawasan Pulau Mariam Aris berkata, kejayaan program itu terbukti menerusi pembabitan 1,500 anggota masyarakat menyertai enam program dijalankan di kawasan itu.

“Kami memilih untuk mengadakan program yang berkonsep santai supaya lebih ramai anggota masyarakat boleh terabit dengannya,” katanya.